

GEMBALA LEBAH
Malaysian Honeyguide

FAMILI: Indicatoridae
NAMA SAINTIFIK: Indicator archipelagus

CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai paruh yang tebal dengan bahagian atas badan berwarna hijau buah zaitun bercampur coklat; terutama pada bahagian sayap. Warna di bahagian bawah badannya, agak kekelabuan dan terdapat jalur-jalur kehitaman pada bahagian perut. Selain itu, terdapat jalur kuning di bahagian bahu burung ini. Ia juga mempunyai mata yang berwarna merah. Anggaran saiz bagi burung ini adalah di antara 18.0-19.0 sm.

MAKANAN

Spesies ini mencari madu lebah dan serangga sebagai makanan dan kadang-kala burung ini boleh ditemui berhampiran dengan sarang lebah.

HABITAT

Spesies ini biasanya boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah dan boleh dijumpai sehingga ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi seakan-akan mengiau; *miaw-krruuu* atau *miaw-miaw-krrwww...* Ia boleh bertenggek di atas dahan pokok, tanpa bergerak untuk jangkamasa yang lama.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi burung ini adalah dari bulan Januari hingga Februari setiap tahun.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.